



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/03/31 (HQ)

PROJEK PRINTIS TNB RESEARCH DAN KETTHA

TNB Research Sdn. Bhd. (TNB Research), sebuah anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan mengadakan projek printis bagi membangun dan membentuk Sistem Fotovoltan Tersambung Grid yang Terapung (*Grid Connected Floating Solar Photovoltaic System*) sebagai satu inovasi baru kepada sektor tenaga boleh diperbaharui.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata kerjasama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) ini melibatkan dana dari Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) bagi menyokong kepentingan bekalan elektrik negara.

Pembinaan Sistem Fotovoltan Tersambung Grid di atas permukaan air ini dijangka dapat meningkatkan lagi penjanaan kuasa elektrik berasaskan tenaga boleh diperbaharui. Ia juga merupakan penyelesaian alternatif bagi mengurangkan pembebasan karbon dioksida dalam sektor penjanaan elektrik, jelasnya.

Projek ini bertujuan untuk membangunkan projek demonstrasi Sistem Fotovoltan Terapung bagi menjalankan penyelidikan terhadap prestasi sistem dari sudut teknikal dan analisa ekonomi,” tambah beliau.

Selain itu, kajian terhadap kesan teknikal dari segi kuantiti, gelombang air dan kesan cahaya matahari serta kesan penyejukan air dari rekabentuk fotovoltan akan turut dijalankan.

Hasil daripada Inovasi Sistem Fotovoltan Terapung Tersambung Grid ini kelak dapat mengoptimumkan penggunaan permukaan kawasan berair seperti tasik, lombong, empangan dan seumpamanya. Ini dapat mengelakkan penebangan pokok-pokok dan penggunaan tanah yang luas yang lebih sesuai untuk keperluan lain.

Satu perjanjian untuk projek ini telah dimeterai antara TNBR dan KeTTHA ketika Majlis Konvensyen TNB R&D 2015 di Bangi, Selangor hari ini. TNBR telah diwakili Pengarah Urusannya, Dr. Ir. Cheong Kam Hoong manakala KeTTHA oleh Ketua Jabatan, Pengurusan Dana AAIBE, Mohd Farid Yahya. Tempoh perjanjian ini adalah selama 20 bulan yang akan bermula dari Mac 2015 sehingga Oktober 2016.

Perjanjian ini disaksikan oleh YB Menteri KeTTHA, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, Tan Sri Leo Moggie dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Ir. Azman Mohd.



S.A. 2015/03/31 (HQ)

Majlis Konvensyen TNB R&D 2015 diadakan sebagai platform perkongsian ilmu penyelidikan semasa serta produk-produk inovasi di antara jabatan dan bahagian dalaman TNB, agensi-agensi kerajaan dan pelbagai pertubuhan yang berkaitan.

Dikeluarkan di Bangi, Selangor pada 12 Mac 2015

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Teng Yoon Soon (019-29312280) /
Md Derus Bunchit (019-266 2296) /
media@tnb.com.my*